

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41, N44, N48, N52, N54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)/ Agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

3. RINGKASAN TUGAS

Menjalankan tugas-tugas untuk memastikan MIROS menepati fungsi dan tanggungjawab selaras dengan Rang Undang-undang MIROS. Bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan, tugas operasi berkaitan pemasaran sosial seperti pengiklanan bagi tujuan pendidikan dan keselamatan jalan raya, penerbitan dan penyebaran ilmu serta menyediakan khidmat profesional dan masyarakat.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41

- a. Menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan operasi.
- b. Mengurus projek penyelidikan dengan lancar.
- c. Mengumpul dan menganalisa data untuk kajian.
- d. Menghasilkan laporan penyelidikan, jurnal/buku/bab, buletin akademik dan profesional.
- e. Menerbitkan laporan penyelidikan yang dilaksanakan.
- f. Membentangkan laporan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- g. Membangun dan menghasilkan inovasi (harta intelek dan produk baru).
- h. Menghasilkan output penyelidikan dalam bentuk kod amalan, prosedur, manual, prosedur operasi piawai (SOP) dan kurikulum.

- i. Membangunkan sistem penggredan, audit dan pengiktirafan bagi tujuan pelaksanaan intervensi keselamatan jalan raya.
- j. Menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan dan arahan pentadbiran berkaitan dengan bidang tugasnya.
- k. Menyampaikan maksud, pendapat, kefahaman atau arahan secara lisan dan tulisan berkaitan dengan bidang tugas merangkumi penguasaan bahasa melalui tulisan dan lisan yang menggunakan tatabahasa dan persembahan yang baik.

4.2 Pegawai Penyelidik Sosial Gred N44

- a. Mengetuai projek penyelidikan/operasi di peringkat pusat/jabatan.
- b. Mengurus projek penyelidikan dengan lancar.
- c. Mengumpul dan menganalisa data untuk kajian.
- d. Mengendali dan menyelaraskan peruntukan projek dengan efisien.
- e. Mendapatkan pembiayaan daripada swasta/antarabangsa/awam untuk projek penyelidikan.
- f. Menyediakan anggaran belanja tahunan bagi projek penyelidikan.
- g. Menghasilkan laporan penyelidikan, jurnal/buku/bab, buletin akademik dan profesional.
- h. Menerbitkan laporan penyelidikan yang dilaksanakan.
- i. Membentangkan laporan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- j. Memberi latihan dan bimbingan kepada Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41.
- k. Bertanggungjawab sebagai penasihat dan pemantau projek penyelidikan.
- l. Memberi ceramah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- m. Membangun dan menghasilkan inovasi (harta intelek dan produk baru).

- n. Menghasilkan output penyelidikan dalam bentuk kod amalan, prosedur, manual, prosedur operasi piawai (SOP) dan kurikulum.
- o. Membangunkan sistem penggredan, audit dan pengiktirafan bagi tujuan pelaksanaan intervensi keselamatan jalan raya.
- p. Menganggotai jawatankuasa peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- q. Menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan dan arahan pentadbiran berkaitan dengan bidang tugasnya.
- r. Menyampaikan maksud, pendapat, kefahaman atau arahan secara lisan dan tulisan berkaitan dengan bidang tugas merangkumi penguasaan bahasa melalui tulisan dan lisan dengan menggunakan tatabahasa dan persembahan yang baik.
- s. Menggemblerng segala sumber dalam kawalannya seperti kewangan, tenaga manusia, peralatan dan maklumat bagi merancang, mengatur, membahagi dan mengendalikan sesuatu tugas untuk mencapai objektif organisasi.
- t. Membantu dalam mengurus pentadbiran pusat.
- u. Mengeluarkan idea baru serta membuat pembaharuan bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

4.3 Pegawai Penyelidik Sosial Gred N48, N52

- a. Mengetuai projek penyelidikan/ operasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- b. Menjadi *think-tank* bagi MIROS dalam mengendalikan agenda keselamatan jalan raya.
- c. Mengurus projek penyelidikan dengan lancar.
- d. Mengumpul dan menganalisa data untuk kajian.
- e. Mengendali dan menyelaras peruntukan projek dengan efisien.
- f. Mendapatkan pembiayaan daripada swasta/antarabangsa/awam untuk projek penyelidikan.
- g. Menyediakan anggaran belanjawan tahunan bagi projek penyelidikan.

- h. Menghasilkan laporan penyelidikan, jurnal/buku/bab, buletin akademik dan profesional.
- i. Menerbitkan laporan penyelidikan yang dilaksanakan.
- j. Membentangkan laporan penyelidikan.
- k. Memberi latihan dan bimbingan.
- l. Bertanggungjawab sebagai penasihat dan pemantau projek penyelidikan.
- m. Bertanggungjawab sebagai pakar rujuk dalam bidang penyelidikan berkaitan.
- n. Bertanggungjawab sebagai pemantau projek siswazah dan pasca siswazah.
- o. Menjalankan khidmat perundingan profesional kepada jabatan-jabatan lain.
- p. Memberi ceramah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- q. Membangunkan dan menghasilkan inovasi (harta intelek dan produk baru).
- r. Menghasilkan output penyelidikan dalam bentuk kod amalan, prosedur, manual, prosedur operasi piawai (SOP) dan kurikulum.
- s. Membangunkan sistem penggredan, audit dan pengiktirafan bagi tujuan pelaksanaan intervensi keselamatan jalan raya.
- t. Menganggotai jawatankuasa peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- u. Menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan dan arahan pentadbiran berkaitan dengan bidang tugasnya.
- v. Menyampaikan maksud, pendapat, kefahaman atau arahan secara lisan dan tulisan berkaitan dengan bidang tugas merangkumi penguasaan bahasa melalui tulisan dan lisan yang menggunakan tatabahasa dan persembahan yang baik.
- w. Menggembleng segala sumber dalam kawalannya seperti kewangan, tenaga manusia, peralatan dan maklumat bagi merancang, mengatur, membahagi dan mengendalikan sesuatu tugas untuk mencapai objektif organisasi.

- x. Mengurus pentadbiran pusat dan mengeluarkan idea baru serta membuat pembaharuan bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai di MIROS.

Luaran

- a. Jemaah kabinet mengenai keselamatan jalan raya.
- b. Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- c. Kementerian/ jabatan di peringkat persekutuan dan negeri dalam bidang berkaitan keselamatan jalan raya (contoh: Perbadanan Putrajaya, JPJ, PDRM, PUSPAKOM, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan LKPK).
- d. Pertubuhan/persatuan dalam dan luar negara (contoh: Global Road Safety Partnership (GRSP), Global Transport Knowledge (GTKP), Transport Research Laboratory (TRL), UK, John Hopkins University, US Road Traffic Injuries Research Network (RTIRN), International Road Assessment Program (IRAP), Monash University Accident Research (MUARCH), Australia, Center for Automotive Safety Research, Adelaide, World Road Association (PIARSC), Perancis, PIARSC Technical Committee, Perancis, Institute of Highway Transportation, SWOV Institute of Road Safety, Holland, Swedish National Road and Transport Research Institute (VTI), Sweden dan sebagainya).
- e. Semua *stakeholder* dan rakan kongsi dalam agenda keselamatan jalan raya.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan ijazah sarjana muda/ sarjana/ Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf dengan keutamaan dalam bidang kejuruteraan, statistik, fizik, sains perubatan, sains komputer, sains tingkah laku, psikologi, psiko analisa, pendidikan awal kanak-kanak atau sains kognitif.
- b. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c. Berkebolehan menguruskan sumber di bawah kawalan.
- d. Berkebolehan membimbing dan mengetuai pasukan.
- e. Menjadi pakar rujuk dalam bidang tugas.
- f. Mempunyai kemahiran *interpersonal*.
- g. Berkebolehan menguruskan konflik dan menyelesaikan masalah.
- h. Berkebolehan berunding di peringkat jabatan dan antara jabatan.
- i. Berkebolehan membuat penyampaian dengan berkesan kepada individu dan kumpulan.
- j. Berkebolehan berfikir dan merancang secara strategik.
- k. Berkebolehan menjalankan penyelidikan, menulis laporan, menghasilkan penulisan teknikal dan menyediakan kertas kerja.
- l. Berkebolehan membuat keputusan dengan berkesan.
- m. Berkeupayaan melaksanakan pemindahan teknologi untuk pengoperasian dan pengkomersialan.
- n. Bertanggungjawab melaksanakan pengurusan harta intelek.
- o. Merancang aplikasi teknologi.
- p. Berkebolehan mentafsir dan menganalisa.
- q. Berkebolehan menguruskan projek perundingan.
- r. Berkemahiran dalam bidang komputer terutamanya mengendalikan perisian-perisian yang perlu untuk menyempurnakan tugas seperti SPSS dan MVivo.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berupaya untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai positif dan menunjukkan integriti yang tinggi.
- b. Mempunyai daya ketrampilan diri yang tinggi.
- c. Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan.
- d. Profesionalisme.
- e. Kualiti.
- f. Kompetensi dan ketelitian.
- g. Bertanggungjawab.
- h. Kerahsiaan.
- i. Disiplin diri.

9. ANCAMAN BAHAYA

- a. Tekanan.
- b. Risiko terdedah kepada bahaya kemalangan ketika menjalankan kajian lapangan.
- c. Percanggahan kepentingan.
- d. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- e. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.

Sumber : Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.